

**NO. SOALAN: 90**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATUK SERI NOH BIN HAJI OMAR  
[ TANJONG KARANG ]**

**RUJUKAN : 7646**

**SOALAN:**

**Datuk Seri Noh bin Haji Omar [ Tanjong Karang ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah perkembangan terkini isu IS dalam negara dan bagaimanakah kerjasama Kerajaan dengan negara luar dalam mengatasi isu ini.

## **JAWAPAN:**

**Ancaman kumpulan militan IS terhadap Malaysia dan juga dunia adalah membimbangkan kerana ianya melibatkan ideologi yang berlandaskan prinsip-prinsip keagamaan.**

**Setakat 1 April 2015, seramai 75 orang yang mempunyai elemen-elemen Kumpulan Militan IS ini telah ditahan kerana disyaki terlibat dengan elemen-elemen Kumpulan Militan IS ini.**

**Bagi membendung ancaman kumpulan ini, Kementerian Dalam Negeri melalui Polis DiRaja Malaysia telah mengadakan kerjasama dengan negara-negara luar dari segi perkongsian maklumat dengan agensi-agensi perisikan luar negara khususnya negara-negara ASEAN. Hasil daripada perkongsian maklumat ini, pihak polis akan membuat pemantauan rapi ke atas mereka yang disyaki terlibat dengan kumpulan pengganas tersebut.**

**Nama individu-individu yang disyaki sebagai pengganas yang diperolehi hasil daripada perkongsian maklumat ini akan dipanjangkan kepada Jabatan Imigresen Malaysia untuk disenaraihitamkan dan dimasukkan ke dalam Senarai Syak (*Suspect List*) bagi mengesan pergerakan mereka di semua pintu masuk utama seluruh negara.**